BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
(FOOD SAFETY AND QUALITY DIVISION)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
ARAS 4, MENARA PRISMA
NO. 26, JALAN PERSIARAN PERDANA
PRESINT 3, 62675 PUTRAJAYA

Tel : 603 - 8885 0797
Faks : 603 - 8885 0769
E-mail : fsq-division@moh.gov.my
http://fsq.moh.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.600-7/2/1 Jld. ( )
Tarikh : 1 Julai 2020

CCI Capital Sdn Bhd
B-3A-12. IOI Boulevard,
Jalan Kenari 5,
Bandar Puchong Jaya,
47170 Puchong,
Selangor.

Tuan/Puan,

PERMOHONAN SEMAKAN LABEL BAGI PRODUK T3 – CAMPURAN KRANBERI DENGAN KOLAGEN

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sepertimana yang pihak tuan/puan sedia maklum, semua makanan yang hendak diimport atau dijual di negara ini tertakluk kepada pematuhan terhadap Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

3. Merujuk kepada maklumat dan label yang disertakan, Bahagian ini **tiada halangan** ke atas label produk yang dikemukakan. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan bertanggungjawab untuk memastikan produk puan mematuhi:

3.1. **Peraturan 395,** Peraturan-Peraturan Makanan 1985;

3.2. Peruntukan lain yang berkaitan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

4. Adalah menjadi tanggungjawab pihak tuan/puan untuk memastikan hanya label yang telah dikemukakan sahaja digunakan bagi produk untuk dipasarkan di negara ini. Sebarang tuntutan atau akuan yang tidak dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 tidak boleh terdapat pada label atau iklan produk makanan.

5. Adalah ditegaskan bahawa surat ini tidak boleh digunakan sebagai kelulusan atau untuk tujuan pengiklanan produk tuan/puan. Surat ini akan **terbatal** sekiranya terdapat apa-apa pengubahsuaian kepada formulasi dan label serta percanggahan maklumat yang dikemukakan semasa permohonan berbanding produk di pasaran.

6. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Pn. Nur Liyana Mohd Nizar (nurliyana@moh.gov.my) di talian 03-8885 0761.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(AHMAD NADZRI BIN SULAIMAN)
b.p Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

NLMN/2020/Semakan/M